

# Perwanit anjur seminar silat serantau Mac

- 3 JAN 1989

Oleh RAMTHAN HUSSAIN

DALAM usaha untuk mengekalkan dan mengembangkan seni silat di Singapura dan di arena antarabangsa, Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) akan menganjurkan seminar silat serantau, lewat Mac ini.

Seminar dua hari yang bertajuk *Perkembangan Seni Silat Dalam Tahun-Tahun 2000* itu dianjurkan sempena ulang tahun ke-30 persatuan itu.

Timbalan Presiden Perwanit, Encik Johari H.M. Uriff, berkata, seminar tersebut mempunyai tiga matlamat:

■ untuk menentukan corak

dan memajukan lagi seni silat di peringkat antarabangsa;

■ mengatur dengan lebih berkesan sukatan pelajaran mengenai seni silat dan membukukannya untuk pembacaan dan penggunaan masyarakat; dan

■ menyelaraskan sistem pemakaian dan tradisi serta disiplin seni silat yang berlainan.

Jelasnya: "Sungguhpun seni silat berkembang begitu luas sekarang, tetapi tidak terdapat kerapian dalam tiga perkara tersebut.

"Matlamat kami ialah untuk menghidupkan kembali dan mempertingkatkan mutu seni ini

dengan apa cara sahaja agar ia tidak terabai — kalau boleh hendak 'dieksport' hingga ke Eropah."

Di samping itu, mereka akan membincangkan kemungkinan penubuhan sebuah institusi silat serantau dalam salah sebuah negara rantau ini agar pelatih yang keluar dari institut itu dapat menunjukkan taraf ilmu persilatan yang tinggi.

Encik Johari berkata, empat pakar seni silat serantau diundang untuk menyampaikan kertas kerja — dua dari Persekutuan Silat Antarabangsa Indonesia (Persilat), seorang dari Persekutuan Silat Kebangsaan

Malaysia (Pesaka) dan seorang dari Persekutuan Silat Brunei (Persib).

Seorang lagi pembentang kertas kerja akan diundang dari Persekutuan Pesilat Singapura (Persisi).

Penyertaannya juga terbuka kepada pesilat dari negara-negara tersebut, katanya.

Encik Johari menekankan, mereka yang menceburi seni silat di Singapura perlu mempunyai disiplin diri yang tinggi.

■ Forum Perwanit bincang Ideologi Nasional Muka 3